

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 27/07/2024
Edisi / Muka Surat : Nasional (04)
Tajuk : RM6 Juta Untuk ANGKASA Perkasa Koperasi



ANWAR (tengah) bersama Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick (dua dari kiri) dan Presiden Angkasa, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah (dua dari kanan) pada Majlis Penutup Kongres Koperasi Kebangsaan 2024 di WTC, Kuala Lumpur semalam.

RM6 juta untuk Angkasa perkasa koperasi

KUALA LUMPUR – Sejumlah RM6 juta dana diperuntukan kepada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) bagi merancang dan memperkasakan lagi gerakan koperasi negara.

Perkara itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berucap pada Majlis Penutupan Kongres Koperasi Kebangsaan 2024 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini

semalam.

Anwar berkata, daripada jumlah itu, RM2 juta diselaraskan menerusi Program Jualan Rahmah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Katanya, jumlah yang sama disalurkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) melalui peruntukan Program Sejati Madani kepada koperasi di perkampungan Madani.

"Di samping itu, turut disalurkan peruntukan baharu sebanyak RM1 juta untuk program ASEAN Cooperative sepanjang Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 yang mana Presiden Angkasa adalah Pengerusi ASEAN Cooperative Organisation.

"Juga disalurkan peruntukan baharu sebanyak RM500,000 kepada koperasi masjid di desa dan RM500,000 kepada Angkasa untuk latihan meningkatkan kom-

petensi koperasi desa," katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, kerajaan bersetuju untuk meminda beberapa peruntukan undang-undang bagi menjadikan koperasi sebagai entiti perniagaan.

Katanya, draf cadangan pindaan ke atas undang-undang itu sedang dipersiapkan Jabatan Peguam Negara sebelum dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA